



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

NOTA PERCAKAPAN

YB FAHMI FADZIL
MENTERI KOMUNIKASI

SEMPENA
RIUH HANGOUT

8 MAC 2024 | 8.00 MALAM | JUMAAT
MENARA KEN TTDI

SALUTASI

1. **Yang Berhormat Teo Nie Ching**
Timbalan Menteri Komunikasi
2. **Yang Berhormat Adam Adli Abdul Halim**
Timbalan Menteri Belia dan Sukan
3. **Yang Berusaha Puan Zainariah binti Johari**
Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan MyCreative Ventures
4. **Yang Berusaha Puan Hadznita Hj. Mohamad Illham**
Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan
Kementerian Komunikasi
5. Wakil-wakil syarikat korporat serta pemain industri kreatif dan seni
6. Rakan-rakan media,
7. Tuan-tuan dan puan-puan

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, dan Salam Malaysia MADANI.

INPUT PERCAKAPAN:

PENDAHULUAN

1. Ucapan Selamat Hari Wanita
2. Saya difahamkan YB Teo Nie Ching telah turun padang pagi tadi di sekitar kawasan Petaling Street, bersama pasukan MyCV, dalam satu aktiviti seni sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa.
3. MyCreative Ventures Sdn. Bhd. bermula pada tahun 2012, untuk membantu memperkasa industri kreatif dan seni tanah air. Sebelum wujudnya MyCV, bank-bank komersil sukar untuk memberikan sebarang bentuk pinjaman kepada penggiat seni. Hal ini menyebabkan banyak hasil karya yang berpotensi tinggi tidak dapat dikomersialkan.
4. MyCV telah membantu penggiat seni melalui pinjaman dan pelaburan ekuiti strategik, serta geran seperti Dana Kandungan Digital Industri Muzik, Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa, Dana Irama Perpaduan, Skim Dana Padanan, dan pelbagai kemudahan kewangan yang lain.

RIUH

5. MyCV mengambil inisiatif untuk mewujudkan RIUH pada tahun 2017 sebagai platform untuk memperkenalkan serta mempromosikan pelbagai hasil kreatif dan seni tempatan, termasuk menggalakkan penyertaan masyarakat.
6. **Pada tahun 2023, RIUH ditaksirkan dengan nilai jenama sebesar RM8.2 juta.** Dalam tempoh dua tahun pertama Kembara RIUH, lapan Kembara RIUH berskala besar dan tiga RIUH Edisi Istimewa telah berjaya dilaksanakan di pelbagai lokasi seluruh negara.
7. **Kembara RIUH berjaya mencipta 5,023 pekerjaan dan memberi impak kepada 4,324 penggiat seni dan kreatif, menerima lebih 285,000 pengunjung dengan jumlah jualan terkumpul sebanyak RM 2.8 juta.**
8. Tahun lalu, Kembara RIUH juga telah dilaksanakan di empat lokasi dengan **rekod jualan kumulatif hampir RM1.5 juta; 824 pekerjaan diwujudkan yang membantu 643 penggiat seni dan kreatif.** Ini termasuklah penganjuran TIBA-TIBA RIUH yang telah berjaya dianjurkan hanya dalam tempoh kurang daripada 14 jam, susulan pembatalan festival The Good Vibes.
9. Dengan rekod pencapaian RIUH yang amat baik, sukacita saya maklumkan bahawa RIUH akan terus dilaksanakan dalam skala lebih besar dengan jangkauan lokasi yang lebih luas.

10. Berikut ialah tarikh dan lokasi bagi program RIUH untuk tahun ini:

No	Program & Lokasi	Tarikh
1.	RIUH RAYA KL (Bersama CUCKOO) di Sentul Depot, KL	29 – 31 Mac
2.	RIUH RAYA JOHOR di Johor Bharu	5 – 7 April
3.	RIUH x HARI BELIA NEGARA di Melaka	25 – 26 Mei
4.	RIUH Oha! di Kuching, Sarawak	28 – 30 Jun
5.	RIUH Bah! 2.0 di Kota Kinabalu, Sabah	14 -16 September
6.	RIUH Ork! di Kuantan, Pahang	25 – 26 Oktober
7.	Rock N' RIUH di KL	6 – 8 Disember

11. Dengan pengumuman tarikh-tarikh penting Kembara RIUH 2024 sebentar tadi, maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan KEMBARA RIUH 2024.

[KEMBARA RIUH 2024 ANNOUNCEMENT VIDEO – 1min.29sec]